

# Notis peringatan kepada pemilik lapan lot tanah di Bukit Kerayong

**Majlis** Perbandaran Klang (MPK) mengeluarkan notis peringatan kepada pemilik lapan lot tanah supaya menghentikan aktiviti kerja tanah dan meratakan bukit di kawasan Bukit Kerayong, dekat sini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baharu negeri, Ng Sze Han, berkata menerusi notis mengikut Seksyen 19 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) itu, pemilik juga diminta mengemukakan notis kebenaran merancang.

Beliau berkata, tindakan perundangan akan dibuat sekiranya pemilik tanah masih ingkar dengan notis berkenaan.

“Bagi Bukit Cherakah, berdasarkan semakan oleh Majlis Bandaran Shah Alam (MBSA) bersama Pejabat Tanah Daerah Petaling, lokasi penggondolan di kawasan yang dimaksudkan terletak di Seksyen U10, Shah Alam.

“Tapak ini sudah diberi hak

milik dan memperoleh kelulusan kebenaran merancang pelan susun atur bertarikh 26 September 2017,” katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Dr Daroyah Alwi (PBM-Sementa) berkenaan status terkini projek menggondol Bukit Kerayong, Bukit Kapar dan Bukit Cherakah serta usaha kerajaan negeri bagi mengelakkan banjir lumpur terus berulang akibat aktiviti berkenaan.

## PBT tetapkan syarat

Mengenai soalan berkaitan usaha kerajaan negeri mengelak kejadian banjir berulang susulan aktiviti menggondol bukit, Sze Han berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) sentiasa memantau keadaan banjir lumpur dan mensyaratkan kepada pihak pemaju dan perunding untuk memohon permit kerja tanah dan menjalankan kawalan hakisan bagi mengelakkan berla-

“Menerusi notis mengikut Seksyen 19 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) itu, pemilik juga diminta mengemukakan notis kebenaran merancang”

**Ng Sze Han,**  
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baharu Selangor



kunya banjir.

Katanya, pembinaan longkang sementara dan kolam perangkap kelodak adalah perlu bagi mengawal aliran air permukaan.

“Sebarang pemajuan yang hendak dijalankan oleh pemilik tanah perlu mendapatkan kelulusan kebenaran merancang terlebih dahulu, selain mendapatkan kelulusan pelan kerja tanah daripada Jabatan Kejuruteraan serta MPK sebelum memulakan aktiviti kerja tanah.

“Pemilik tanah juga perlu mendapatkan dan mematuhi ulasan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebelum melakukan sebarang pemajuan,” katanya.

Mengulas lanjut, Sze Han berkata, pemilik tanah yang diberi notis peringatan diminta untuk mematuhi dalam tempoh 30 hari dan kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan mereka dikenakan tindakan undang-undang.